

RAHSIA

MMK 27 Mei, 2009

Kertas Bil 343/2009

Permohonan Untuk Meminda Syarat Nyata Daripada ‘Bangunan Hotel, Perniagaan Dan Service Apartment’ Kepada ‘Kediaman Dan Perniagaan’ Dan Menukar Jenis Pegangan Tanah Daripada ‘Pajakan’ Kepada ‘Pegangan Kekal’ Ke Aas Lot 408, Seksyen 19, Bandar Georgetown, Daerah Timur Laut Seluas 1.4050 Hektar (3.4718 Ekar) Untuk Pembangunan Kediaman Dan Perniagaan Daripada Tetuan PDC Heritage Hotel Sdn Bhd.

YB Dato’ Pegawai Kewangan Negeri berpendapat bahawa tambahan 1% ekuiti kepada PDC sepatutnya dibayar oleh PDC . YB Penasihat Undang-Undang Negeri menarik perhatian Majlis bahawa penukaran jenis pegangan tanah daripada pajakan kepada pegangan kekal seharusnya atas “special circumstances” seperti mana yang dikehendaki dalam KTN.

YAB Ketua Menteri memaklumkan Majlis bahawa tanah berkenaan telah terbiar begitu lama dan pihak YTL telah bersetuju untuk menanggung pemindahan ekuiti 1% kepada PDC supaya pegangan ekuiti yang baru adalah 50:50. Dengan demikian pihak YTL telah melepaskan kawalan majoriti atas PDC Heritage Hotel Sdn Bhd. Keadaan projek terbengkalai dan memulihkan kuasa kembali kepada PDC merupakan “special circumstances” seperti yang disebutkan.

Majlis bersetuju dengan perakuan-perakuan di perenggan 8 dan **meluluskan** permohonan tersebut.

Majlis menasihatkan dengan sewajarnya.

Tindakan/Perhatian:

PTG

RAHSIA